

SULIT



Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

JMK321 – Puisi Melayu Moden

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEBELAS (11)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

...2/-

SULIT

Pilih dan jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

1. Huraikan perkembangan puisi daripada zaman pendudukan Jepun hingga era kemerdekaan di Tanah Melayu.

(25 markah)

2. Teori progressivism telah berkembang di Barat pada abad ke-21. Teori ini menolak hubungan manusia dan agama, tetapi lebih berpegang kepada semua yang berlaku adalah dengan keupayaan manusia iaitu tiada kaitan dengan kuasa tertinggi. Manakala alam adalah *nature* yang hidup dengan sendiri tanpa perlu dikaitkan dengan sesuatu yang suci. Namun begitu puisi “Nota Kecil Di Hujung Isyak” karya Fadh Razy ternyata telah menolak pandangan ini.

Bincangkan unsur-unsur alam yang digunakan oleh beliau sebagai terjemahan hubungannya dengan Allah (**Lampiran A**).

(25 markah)

3. Puisi “Pesanan Dari Gunung Ledang” merupakan karya Zurinah Hassan yang diadaptasikan daripada teks *Sejarah Melayu*. Analisis puisi ini dengan menggunakan pendekatan feminisme (**Lampiran B**).

(25 markah)

4. Apakah yang anda fahami dengan istilah tipografi puisi? Berdasarkan puisi “seekor burung menukang malam” karya Muhammad Hj.Salleh, bincangkan unsur-unsur tipografi yang digunakan oleh penyair untuk menguatkan maksud puisi tersebut (**Lampiran C**).

(25 markah)

5. Puisi adalah antara saluran komunikasi yang sangat berkesan dan dibantu dengan keupayaan berbahasa serta penciptaan imej-imej yang menarik. Watak atau imej-imej yang dicipta oleh penyair merupakan cerminan perasaan ketidakpuasan hati pengarang terhadap sesuatu isu terutamanya mengenai kesejahteraan kehidupan.

Sejauhmanakah watak alam yang dicipta dalam puisi “Balada Terbunuhnya Beringin Tua di Pinggir Sebuah Bandaraya” dan “Surat dari Masyarakat Burung kepada Datuk Bandar” karya Usman Awang mampu mengungkapkan persoalan ini (**Lampiran D**).

(25 markah)

6. Tema cinta Ilahi begitu sinonim dengan hampir semua penyair muslim. Hal ini tidak terkecuali bagi Sasterawan Negara A. Samad Said dalam puisinya bertajuk “Kita ini Tetamu Senja” dan “Nazak” karya Shamsuddin Jaafar. Bincangkan keistimewaan dan keunikan dua buah puisi ini dalam menyingkap tema tersebut (**Lampiran E**).

(25 markah)

Nota Kecil Di Hujung Isyak II

Fadh Radzy

Malam yang keras
kutakung seluruh Cinta yang melimpah di sejadah
menyatu di rumah iktikaf; terpecah harumnya
Yang menakluk seluruh negeri peribadi
saat segugus bintang
dan secebis bulan
menjadi seutas tasbih
di tangan kecilku.

Sekali ini, wahai pemilik langit, izinkan
aku berbicara dengan percakapan tulus
tentang usia yang kian sarat
dan perjalanan yang betapa berat
bahawa aku adalah lelaki
yang kehilangan sejuta kudrat
dihunus
oleh dosa lampau yang terselirat.

Anugerahkan aku sekuntum nafas terakhir
yang terpetik
dari sebidang lading syahadah
lantas subur jalannya
damai menghantarku berteduh di bawah
rendang pohon-Mu.

Lewat iklim muhasabah yang gelisah ini
kuintai dengan sorot hati
segeluk doa
yang meumpah di bawah langit
betapa aku adalah kesombongan yang kerdil
terbunuh di bawah ketinggian-Mu
agung tak terjangkau
oleh tumpul sebilah lidahku.

Malam yang keras.
segugus bintang
dan secebis bulan
menyatu dalam sehelai nota tahajudku.

South Circular Road, Dublin
5 Februari 2006p
Mingguan Malaysia, 23 Julai 2006

*Hadiah Utama, Hadiah Sastera Kumpulan Utusan 2006

...5/-

Pesanan Puteri Gunung Ledang

Zurinah Hassan

Tun Mamat
sampaikan pesanku kepada Sultan,
pinta dipenuhi syarat-syarat ini
jika aku ingin diperisterikan.

Perbuatkan jambatan emas jambatan perak
bawakan tujuh dulang hati kuman, hati nyamuk,
air mata dan air pinang muda setempayan
darah raja dan anak raja semangkuk.

Sebenarnya
aku telah pun menduga
dia akan sanggup merentang jambatan derita
dia merelai negeri menjadi dulang sengsara
membiarkan rakyat memikul tempayan air mata
kehidupan terbakar dalam api berahi
selagi kepanasan tidak terpercik ke tubuhnya.

Tun Mamat,
Sebenarnya aku memberi syarat ini
kerana aku tidak sudi menjadi permaisuri Sultan
dan hidup bercerminkan kekeruhan
aku bukan Tun Fatimah
yang pandai memaafkan kezaliman
aku bukan Tun Kudu
yang tahu merelakan paksaan
cukuplah dengan Puteri Hang Li Po
yang terbungkus menjadi persembahan
dan tersungkurnya Tun Teja
ketika menangkap bayang-bayang cinta.

Biarlah Gunung Ledang berdiri mengingatkan
ada bunga yang tidak dapat digubah
sesedap titah
seorang perempuan pun ada kalanya
berhak memilih kebebasan
seorang Sultan pun ada kalanya
harus tunduk kepada kekalahan.

(Pesanan Dari Gunung Ledang, 2004)

...6/-

seekor burung menukang malam

Muhammad Hj. Salleh

di antara subuh lembab
dan senja kuning
sekumpulan tukang
menegak tiang
dan menyusun genting,
ketukannya bergema
di bukit dan air

apabila petak kerja
digelapkan malam
ketukan bermula lagi
nyaring dari dahan sena,
seekor burung tukang
menyambung tugas
di bukit bunyi
bahawa waktu mengalir terus
walau airnya terbakar rakus

(Maka Bermadahlah Masa, 2006)

Balada Terbunuhnya Beringin Tua Di Pinggir Sebuah Bandaraya

Usman Awang

Beringin tua di pinggir jalan raya
di sebuah ibu kota yang setengah muda
ratusan tahun usianya berdiri
menadah matari memayungi bumi
burung-burung berterbangan menyanyi
di sini rumah mereka, di sini keluarga bahagia
kupu-kupu berkejaran dalam senda gurauanya
anak-anak bermain di keteduhan perdunya.

Tiba-tiba pagi yang hitam itu datang
geregasi teknologi menyerangnya
dengan kejam membenamkan gigi-gigi besi
sehingga terdengarlah jeritan ngeri
suara Beringin rebah ke bumi.

Sampai sekarang, tiap senjakala lembayung petang
dengarlah suara Beringin mengucapkan pesan:

Selamat tinggal, selamat tinggal wahai awan
Selamat tinggal matari selamat tinggal bulan
Selamat tinggal kupu-kupu sayang
Selamat tinggal wahai burung-burung bersarang
Selamat tinggal anak-anak bermain riang.

Namaku Beringin pohon tua yang terbang
dimusuhi oleh rancangan bernama Pembangunan.

(Puisi-puisi Pilihan Koleksi Sasterawan Negara, 1988).

Surat dari Masyarakat Burung kepada Datuk Bandar

Usman Awang

Tuan Datuk Bandar,
kami masyarakat burung telah mengadakan mesyuarat agung
pada suatu pagi yang manis dan ranum
di atas bangunan parlimen yang kosong

seluruh kaum burung telah diwakili
oleh para cerdik pandai, kecuali
perwakilan burung gagak yang sibuk dengan urusan kematian
penembakan, bangkai hanyut di sungai kelang.

sidang ini dihadiri juga oleh pemerhati undangan
kupu-kupu yang ada kepentingan
dengan persoalan yang kami bincangkan

Tuan Datuk Bandar,
meski kami tidak pernah mengangkat tuan sebagai datuk
kami

kerana perbezaan fahaman taraf 'Datuk dan 'cucu'
kerana kelainan pendapat antara rambut dan bulu
(tuan-tuan telah mempermaniskan gelaran
menyebut rambut pada diri tuan-tuan, sedangkan
untuk kami tuan namakan perkataan 'bulu')
kami tetap menghormati tuan yang pernah menjanjikan
untuk

MENGIJAUKAN SELURUH WILAYAH

Tapi manusia kota ini telah membunuh
KEHIJAUAN alam
Semata-mata untuk mengejar KEHIJAUAN ringgit sejak lumpur,
kota ini menjadi batu-batu
kami masyarakat burung menjadi mangsa yang bisu
Mendiang burung belatuk menjadi korban punggur rebah
Burung merbuk telah ditipu dengan nama Padang Merbuk
Sedangkan mereka dipenjarakan di tempat yang tuan namakan Sangkar

Perwakilan burung pipit telah mengemukakan protes
Kerana menuduhnya sebagai
'pipit pekak makan berhujan'.

Ia disokong kuat oleh perwakilan burung punai
Bahawa tuan telah menghina kaum sejenis mereka
Datuk menamakan benda-benda rahsia di tempat rahsia
di tubuh Datuk
dengan nama 'pipit' dan 'punai', sedangkan kami tahu
'pipit' dan 'punai' Datuk tak pandai terbang
Tuan Datuk Bandar Surat ini merayu kebijaksanaan tuan
Peliharalah tiap pucuk dan akar tumbuh-tumbuhan
Tiap helai daun, tiap kelopak bunga, tiap rimbunan
Itulah rumah kami,
kediaman kami turun temurun.
Malah demi kesejahteraan manusia Kesihatannya, kebahagiaan, kedamaiannya
Alam semula jadi seribu keindahan mekar.
Di bawah matahari bersinar.
(Puisi-puisi Pilihan Koleksi Sasterwan Negara, 1988).

Kita Ini Tetamu Senja**A. Samad Said**

Kita datang ini hanya sebagai tetamu senja
bila cukup detik kembalilah kita kepada-Nya
kita datang ini kosong tangan kosong dada

bila pulang nanti bawa dosa bawa pahala.
Pada tetamu yang datang dan kenal jalan pulang
bawalah bakti mesra kepada Tuhan kepada insan
pada tetamu yang datang dan lupa jalan pulang

usahlah derhaka pula kepada Tuhan kepada insan.
Bila kita lihat manusia lupa tempat
atau segera sesat puja darjat puja pangkat
segera kita insaf - kita ini punya kiblat

segera kita ingat - kita ini punya tekad.
Bila kita lihat manusia terbiar larat
hingga mesti merempat ke biru laut ke kuning darat
harus kita lekas sedar penuh pada tugas
harus kita tegas sembah seluruh rasa belas.

Kita datang ini satu roh satu jasad
bila pulang sekali bawalah bakti pada berkat!

(A. Samad Said, *Utusan Zaman*, 13 Nov. 1955)

Nazak

Shamsuddin Jaafar.

Dia terbujur di hadapan kami dalam nazak usianya sudah mencapai hampir tujuh puluh tahun tibalah detik dia akan berpulang kepada khaliqnya melepaskan nafas satu, satu di penghujung usianya dia menarik nafasnya payah sekali matanya terpejam, dahinya berkerut menahan azab bat-kamit bibirnya ku kira memohon keampunan' mencari jalan l m s untuk pulang menemui Penciptnya lama dia dalam keadaan begitu, nazak, menunggu saat yang sesaat barangkali terasa seperti bertahun sekali-sekala matanya terbuka, bibirnya bergerak payah meminta air, kerana terlalu dahaga, katanya.

Dapatkah kita bayangkan saat-saat terakhir perjalanannya? Betapa dia sendirian menghadapi saat menentukan ajalnya tiada siapa tahu betapa seksanya dia menarik nafas dan menghembuskannya satu, satu, hingga sampai ke saatnya hanya dia seorang sahaja yang tahu dalam saat seperti itu dia masih terdaya meminta air kerana terlalu dahaga katanya antara dengar dengan tidak tetapi airpun betapa dingin tidak dapat memuaskan dahaganya dia menjadi bertambah dahaga, malah semakin terseksa menarik nafasnya, seperti tersangkut pada ranjau dan duri!

Dan apabila tiba saatnya, kelopak matanya tertutup terbujurlah jasad tua itu ditangisi mereka yang tinggal.

(Shamsuddin Jaafar, *Dewan Sastera*, 2003: 95).